

**KAJIAN PERANCANGAN LALUAN MOTOSIKAL
DARI PERSIMPANGAN KEWAJIPAN
HINGGA KE PERSIMPANGAN SUNWAY
DI LEBUHRAYA SHAH ALAM**

MUHAMAD ZAIDI BIN OMAR

**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH
FAKULTI SENI BINA, PERANCANGAN DAN UKUR
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM**

MEI 1999

PENGHARGAAN

B I S M I L A H H I R A H M A N N I R R A H I M

Bersyukur kehadiran Allah SWT yang telah memberikan kejayaan dalam melaksanakan kajian akhir ini dengan sempurna. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada penyelia utama iaitu Puan Fatimah Bte Yusof di atas segala nasihat dan tunjuk ajar serta bimbingan yang telah diberikan di sepanjang tempoh penyediaan kajian akhir ini.

Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada ibu dan bapa, dan yang telah banyak memberi galakan dan pengorbanan di atas kajian ini serta kaum keluarga. Ucapan terima kasih juga kepada jabatan dan agensi yang terlibat di atas segala bantuan dan kerjasama yang telah diberikan secara lansung atau tidak lansung seperti Pihak KESAS dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).

Juga tidak lupa sahabat handai terutamanya Jah, Ahmad Sallehein, Ikham dan Razak yang turut membantu dalam menyediakan kajian ini. Semoga segala pertolongan ini diberi ganjaran dan rahmat dari Allah.

ABSTRAK

Kajian akhir ini membincangkan mengenai laluan motosikal di lebuh raya. Aspek-aspek yang dibincangkan adalah dari segi kemudahan yang terdapat di laluan motosikal. Laluan motosikal di lebuh raya adalah satu pembinaan yang baru di negara Malaysia. Pada masa sekarang ini hanya Lebuh raya Persekutuan dan Lebuh raya Shah Alam yang menyediakan laluan motosikal ini. Disamping itu juga, pada masa sekarang belum ada garispanduan penyediaan laluan motosikal di lebuh raya. Kemudahan asas mahupun awam seharusnya disediakan di laluan motosikal, dengan tujuan agar penunggang motosikal akan merasa selesa apabila menggunakan laluan motosikal. Sebagai salah satu usaha agar kewujudan sesuatu laluan motosikal tersebut dapat dimanfaatkan maka suatu perancangan yang teliti perlu diperkenalkan. Tujuannya adalah agar pembinaan laluan motosikal di lebuh raya tidak membazir dan disamping itu juga dapat memenuhi kehendak dan keperluan orang ramai. Ianya juga sebagai satu langkah keselamatan kepada penunggang motosikal yang menggunakan lebuh raya sebagai laluan utama.

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Jadual	vii
Senarai Rajah	viii
Senarai Singkat Kata	ix

ISI KANDUNGAN

BAB 1	PENDAHULUAN	m/s
1.1	Pengenalan	1
1.2	Kenyataan Masalah	2
1.2.1	Masalah Sistem Penyelenggaraan	2
1.2.2	Masalah Laluan Motosikal Yang Sempit	2
1.2.3	Tiada Papan Tanda Yang Mencukupi	3
1.2.4	Masalah Pemisahan Antara Laluan Motosikal Dengan Laluan Utama	3
1.2.5	Masalah Kekurangan Kemudahan	3
1.3	Tujuan Kajian	4
1.4	Objektif Kajian	4
1.5	Skop Kajian	4
1.6	Pendekatan Kajian	6

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Laluan Motosikal merupakan suatu keperluan di dalam pembangunan sesebuah lebuh raya. Pembinaan laluan motosikal ini adalah bertujuan untuk memudahkan pengguna motosikal di dalam perjalanan di samping memastikan penunggang motosikal selamat daripada kenderaan besar yang lain.

Negeri Selangor merupakan satu negeri di Malaysia yang menyediakan laluan motosikal di lebuh raya yang mana ianya hanya terdapat di Lebuh raya Persekutuan dan juga di Lebuh raya Shah Alam. Laluan motosikal ini dibina dengan mempunyai ciri-ciri tertentu untuk memastikan keselamatan para penunggang motosikal berada di dalam keadaan selamat.

Namun begitu terdapat juga pelbagai masalah yang timbul di laluan motosikal khususnya di Lebuh raya Shah Alam ini, antaranya adalah seperti laluan motosikal yang sempit, kemalangan seringkali berlaku, laluan motosikal yang berbengkok-bengkok, pemisahan antara laluan motosikal dengan jalan utama tiada jarak tertentu dan lain-lain lagi masalah yang timbul. Dengan mengetahui masalah-masalah yang timbul akan dapat mewujudkan cadangan-cadangan yang sesuai untuk laluan motosikal di lebuh raya.